

PDPN agensi penting ke arah capai matlamat...

Pupuk kesedaran pengeluaran — PM

PETALING JAYA, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggariskan beberapa panduan baru mengenai usaha meningkatkan daya pengeluaran dengan meletakkan Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN) sebagai agensi penting ke arah mencapai matlamat itu.

Perdana Menteri mahukan penekanan dibuat terhadap setiap orang, dari peringkat pengurusan tinggi kepada pekerja bawahan, supaya lebih menyedari mengenai pentingnya daya pengeluaran.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri mengarahkan PDPN menjalankan usaha memupuk kesedaran terhadap pentingnya produktiviti di kalangan masyarakat yang kurang daya pengeluarannya.

Bagi mereka yang telahpun mempunyai daya pengeluaran tertentu, PDPN dikehendaki membantu mereka meningkatkan lagi pengeluaran mereka.

Membolehkan negara bersaing

Datuk Seri Dr Mahathir membangkitkan perkara itu kepada pegawai-pegawai PDPN ketika mendengar taklimat mengenai peranan pusat itu oleh Pengarahnya, Haji Arhad Maradi.

PDPN melatib kira-kira 14,000 orang setahun terutamanya pegawai dan pihak pengurusan awasta. Kira-kira 35 peratus darinya adalah pegawai-pegawai sektor awam dan agensi kerajaan.

Pengerusi EDPPN, Dr Nawawi Mat Awin memberitahu pemberita, berkata Datuk Seri Dr Mahathir meminta PDPN menjalankan usaha mengubah cara pemikiran dan tindakan rakyat supaya mereka tidak semata-mata memeningkan diri sendiri. Sebaliknya, mereka hendaklah bekerja demi kepentingan majikan atau syarikat.

Oleh MIOR KAMARUL SHAHID

Bellau menasihatkan setiap orang tidak memikir sesuatu perkara untuk kepentingan jangka pendek tanpa memikirkannya dengan lebih luas.

Perdana Menteri menekankan betapa pentingnya teknik-teknik baru dikaji, terutama di bidang pembuatan bagi membolehkan negara bersaing dengan negara-negara dunia.

Dalam hubungan ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata teknik terbaru sektor pembuatan di Jepun hendaklah diberi perihitungan.

Parasaran barangan

Dengan cara ini, sektor perdagangan akan dapat bersaing dengan mana-mana negara di pasaran antarabangsa. Pada masa ini persaingan pasaran barangan Malaysia adalah terhad.

Bellau menyatakan contoh beberapa negara kecil seperti Singapura, Taiwan, Hongkong dan Korea, yang meskipun tidak mempunyai bahan mentah, masih mampu bersaing dengan negara-negara lain.

Dr Nawawi berkata Datuk Seri Dr Mahathir bersetia hati dengan peranan yang dimainkan oleh PDPN dan mahukan beberapa perubahan dibuat demi kepentingan meningkatkan daya pengeluaran.

Ketika ditemu terdahulu dari itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata bellau memberi penekanan terhadap perniagaan usaha meningkatkan daya pengeluaran kerana ia adalah jalan penyelesaian memajukan negara.

Oleh itu, katanya, PDPN mempunyai tanggungjawab yang penting membantu pihak tertentu meningkatkan daya pengeluaran lebih tinggi.

Bellau tidak mengulas lebih lanjut. Dr Nawawi menegaskan Perdana Menteri juga memandang berat terhadap mereka yang hanya memeningkan diri tanpa memikirkan kepentingan syarikat masing-masing.

Katanya, meskipun sifat seperti itu tidak dapat dielakkan tetapi, secara umum, setiap pekerja mestilah memastikan syarikatnya mendapat keuntungan.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia